



SIARAN MEDIA

PENSWASTAAN BOUSTEAD HOLDINGS RAIH MOMENTUM YANG KUKUH syarat pegangan 90% untuk dinyahsenarai telah dipenuhi

KUALA LUMPUR, 17 MEI 2023 – Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) merekodkan kemajuan dalam usaha untuk menswastakan Boustead Holdings Berhad (BHB). Pada masa ini, pegangan saham LTAT di dalam BHB adalah berjumlah 90.49% (yang dikumpulkan daripada pemerolehan melalui pasaran terbuka dan penerimaan daripada pemegang saham melalui Tawaran). Bagi mengelakkan keraguan, pada tarikh Notis Tawaran, pegangan saham LTAT di dalam BHB adalah sebanyak 59.42%.

LTAT telah mengeluarkan Notis mengenai Tawaran Pengambilalihan Sukarela Bersyarat (“Tawaran”) kepada Lembaga Pengarah BHB pada 2 Mac 2023 untuk baki 40.58% saham yang tidak dimilikinya untuk tawaran tunai sebanyak RM0.855 sesaham.

Dokumen tawaran berserta borang penerimaan dan pindahan saham telah dihantar kepada pemegang saham BHB pada 23 Mac 2023 dan diikuti dengan Pekeliling Nasihat Bebas yang dikeluarkan oleh Kenanga Investment Bank Berhad pada 17 April 2023 yang mengesyorkan pemegang saham untuk menerima Tawaran.

Ketua Eksekutif LTAT, Dato’ Nazim Rahman berkata, “Perkembangan terbaru ini merupakan peristiwa penting dalam urusan niaga korporat LTAT kerana ia membolehkan LTAT untuk menyahsenaraikan BHB dalam tempoh tarikh tutup pertama pada 22 Mei 2023 - tertakluk kepada kelulusan kawal selia yang diperolehi untuk memenuhi syarat Tawaran. Namun begitu, Tawaran ini kekal bersyarat sehingga mendapat kelulusan badan kawal selia.”

“Melalui penswastaaan ini, LTAT dapat mempercepatkan usaha pemulihan BHB, sebagai sebahagian daripada matlamat utamanya untuk menstabilkan semula portfolionya dan memastikan kemampanan dananya dalam jangka panjang. Pemulihan tersebut akan melibatkan penstrukturan semula kumpulan, rasionalisasi kewajipan membayar hutang BHB dan pelaksanaan aktiviti penciptaan nilai,” katanya lagi.

LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT)

UNTUK EDARAN SEGERA

Mengenai LTAT

Ditubuhkan pada bulan Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 (juga dikenali sebagai Akta 101), LTAT merupakan sebuah institusi badan berkanun yang menyediakan kemudahan Skim Simpanan Persaraan kepada para Pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta pesara tentera. Terbaru, Akta Tabung Angkatan Tentera 1973 telah diumumkan pindaannya pada 1 November 2022.

Sehingga kini, LTAT mempunyai seramai 116,456 pencarum ATM, dengan 110,792 pencarum yang aktif. Di bawah skim LTAT, pencarum wajib dikehendaki mencarum 10% daripada gaji bulanan dan Kerajaan akan mencarum sebanyak 15% sebagai majikan kepada LTAT.

LTAT menguruskan RM10.4 bilion Aset Di bawah Pengurusan setakat 31 Disember 2022 dengan pengisytiharan dividen sebanyak 5% kepada pencarum pada tahun 2022, selepas pembayaran tahun sebelumnya sebanyak 4.1% pada tahun 2021, 3.5% pada tahun 2020, 2.5% pada tahun 2019 dan 2% pada tahun 2018.

PERHUBUNGAN MEDIA:

Izzat Alhadjri
Pengarah
Ketua Komunikasi

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my

No. Tel : +60192180792

Laman web : www.ltat.gov.my